

15 AUG 1999

Abdullah-Saintis

SAINTIS DAN AHLI TEKNOLOGI PERLU BERSAING DI PENTAS GLOBAL

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata saintis dan ahli teknologi Malaysia harus bersaing di pentas global untuk menjadikan Malaysia sebahagian daripada proses inovasi global.

Beliau berkata mereka perlu menunjukkan komitmen sebenar dan kesungguhan kepada tugas.

"Kita bukan meminta yang mustahil. Tanpa kesungguhan dan tahap komitmen yang tinggi, seseorang tidak boleh diletakkan sebagai penyumbang utama dalam mana-mana bidang yang diterokai manusia," kata beliau pada majlis jamuan Akademi Sains Malaysia di sini malam ini.

Abdullah berkata, oleh itu, komitmen dan kesungguhan harus dimiliki oleh para pengamal sains dan teknologi.

Beliau berkata kajian mengenai pembangunan antarabangsa menunjukkan bahawa jurang perbezaan antara negara kaya dan miskin semakin lebar.

"Jika kita berpendapat jurang ini sebagai jurang kejayaan, tiada apa yang boleh dilakukan kerana negara kaya yang mempunyai wang untuk melabur akan bertambah kaya. Negara miskin yang tidak mempunyai apa-apa untuk melabur pula akan bertambah miskin. Ini sesuatu yang boleh dan harus kita tangani," kata beliau.

Abdullah berkata Malaysia mempunyai asas yang kukuh bagi menerima ekonomi berteraskan pengetahuan dan terletak di satu daripada pusat perdagangan utama dunia.

Menurut beliau, satu daripada kekuatan utama Malaysia ialah mempunyai rakyat yang purata bersikap terbuka, toleransi dan cepat menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia juga tidak kurang mempunyai institusi penyeldikan yang serba lengkap dan sistem universiti yang pesat berkembang.

"Kelemahan kita mungkin antaranya kecenderungan untuk menonjolkan diri hanya sebagai penyumbang kecil di pentas dunia. Idea bagi memainkan peranan utama sering menimbulkan perasaan takut daripada memberi inspirasi di kalangan rakyat Malaysia," kata beliau.

Abdullah berkata penghantaran pelajar untuk melanjutkan pengajian di seberang laut didapati berguna tetapi terlaku pasif dan peranan yang lebih aktif perlu diambil untuk mempercepatkan pembukaan ruang-ruang intelektual dan saintifik.

Beliau berkata kerjasama antarabangsa ialah satu daripada saluran utama yang boleh digunakan dan peminjaman saintis Malaysia kepada agensi-agensi teknikal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dapat diperluaskan meliputi saintis muda.

Berhubung dengan cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kalangan saintis menghasilkan Pemenang Hadiah Nobel Malaysia menjelang tahun 2020, beliau berkata Malaysia telah menerima pencapaian saintifik universal.

"Penerimaan langkah-langkah universal menjadikan perlu bagi kita menumpukan perhatian kepada apa yang perlu dilakukan untuk membolehkan sains di negara kita mencapai standard dunia. Banyak perkara perlu ditingkatkan," kata beliau.

Beliau berkata kajian dasar mengenai Sains, Kejuruteraan dan Teknologi (S.E.T) yang dijalankan oleh akademi itu dapat menangani isu-isu berkenaan dan mencapai kecemerlangan yang merupakan faktor penting untuk melonjakkan

pembangunan S.E.T di Malaysia.

Abdullah meminta akademi supaya membantu Kmenterian Pendidikan menyediakan kurikulum pendidikan sekolah yang dinamik bagi menarik lebih ramai pelajar dan menyediakan mereka untuk memasuki bidang sains dan teknologi yang kini banyak disediakan di univeristi dalam negara.

Pada majlis itu juga, Abdullah melancarkan Program R&D Malaysia di Antartika yang akan dilaksanakan pada Oktober tahun ini.

Malam ini, Akademi menawarkan anugerah fellow kanan kepada empat orang tokoh yang dipilih dan dilayar digelar ahli akademik.

Mereka dipilih berdasarkan sumbangan dan pencapaian cemerlang dalam bidang SET demi kebaikan negara dan manusia.

Mereka ialah ahli akademik Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, Datuk Ir. Lee Yee Cheong, Dr M.K. Rajakumar dan Tan Sri Dr Augustine S.H.Ong.

Presiden Akademi Sains Malaysia Dr Omar dalam ucapannya berkata akademi tahun ini memilih 10 fellow baru, menjadikan bilangan fellow di akademi itu kepada 77.

-- BERNAMA

NHD FAZ